

## Guna 3,000 botol air mineral bina KLCC

- Oleh HARIS FADILAH AHMAD
- 17 September 2024, 9:30 am



AHLI Kawasan Rukun Tetangga sedang menyiapkan replika Menara Berkembar Petronas sempena Hari Malaysia 16 September di Perumahan Banjir Ulu Teh, Jerantut, Pahang. – UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD

JERANTUT: Kira-kira 700 ahli Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Perumahan Banjir Ulu Teh di sini bergotong royong membina replika bangunan berkembar Petronas (KLCC) menggunakan 3,000 botol air mineral sempena sambutan Hari Malaysia.

Pengerusi KRT Ulu Teh, Ahmad Hazrul Syafiq Abd Rahman, 33, berkata, bangunan tersebut merupakan signifikan era pembangunan moden juga menandakan kejayaan hasil kesatuan penduduk Semenanjung, Sabah dan Sarawak sehingga tertubuhnya Malaysia pada 16 September 1963.

“Pembinaan menara ini di semua pintu masuk ke empat buah blok kawasan KRT antara inisiatif penduduk sendiri dengan kerjasama Jawatankuasa Pembangunan

Keselamatan Kampung (JPKK) khususnya untuk memeriahkan sambutan Bulan Kebangsaan dan kemuncak sambutan Hari Malaysia, 16 September. Pembinaan mengambil masa dua minggu,” katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Sementara itu, Pengerusi JPKK Ulu Teh, Mohd. Ghazali Ismail, 65, berkata, walaupun sebilangan kecil penduduk di situ belum melihat bangunan itu secara dekat, tetapi pembinaan replika tersebut cukup bermakna bagi memberi pengetahuan khususnya kepada golongan warga emas dan kanak-kanak.

“Kita tampilkan objek ini berasaskan sebahagian pembangunan negara pasca merdeka seperti replika menara ini secara langsung dapat mencetuskan kebanggaan dan menitip nilai patriotisme dalam kalangan penduduk di sini.

“Hakikatnya, kesatuan Malaysia yang diisytiharkan pada 16 September 1963 menumbuhkan semangat perpaduan dan kerjasama penduduk berbilang kaum sehingga mencorakkan kemajuan pembangunan negara ini dan terbuktinya bangunan berkembar Petronas yang siap dibina pada 1998,” katanya.

Dalam pada itu, seorang ahli KRT, Basri Abd. Kadir, 53, berkata, penduduk sepakat membina bangunan tersebut menggunakan botol minuman yang dikumpul sendiri, selain berbelanja hampir RM600 untuk tambahan botol termasuk peralatan lain.

“Kami bangga setelah replika bangunan ini siap sekali gus menzahirkan penghayatan kami terhadap pembangunan moden serta kesungguhan pemimpin lalu memacu kejayaan negara sebaris negara maju lain,” katanya. – UTUSAN